

Info mengenai Kajian Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands 2030 (Penggantian)

Rancangan Tempatan ini disediakan melalui tujuh (7) peringkat utama mengikut keperluan perundangan iaitu Keperluan Penyediaan RT, Publisiti Awal, Penyediaan RT, Publisiti RT, Siasatan dan Pendengaran Awam, Kelulusan RT, Pemberitahuan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan Pewartaan RT.

Penyediaan RT Daerah Cameron Highlands 2030 (Penggantian)

PERINGKAT	PROSES	OUTPUT
PERINGKAT 1 Mobilisasi	Laporan Rangka Projek	Laporan Rangka Projek merupakan satu dokumen yang menerangkan rangka kerja dan latar belakang serta justifikasi penyediaan Draf RT. Ia disediakan bagi tujuan pandu arah di dalam program publisiti awal.
	Publisiti Awal	Publisiti Awal merupakan pendekatan yang bertujuan untuk membuat hebahkan kepada pihak berkepentingan berkaitan dengan cadangan penyediaan rancangan tempatan dan mendapat maklumbalas awal berhubung dengan isu semasa dan cadangan awal bagi memantapkan draf Tema Rujukan.
	Penyediaan Tema Rujukan	Tema Rujukan merupakan dokumen yang disediakan sebagai panduan dan tema penyediaan Draf RT. Ia merupakan pernyataan mengenai visi dan objektif RT, rumusan dasar-dasar spatial negara dan negeri yang mempunyai kesan terhadap kawasan RT serta aspek-aspek yang hendak dikaji.
	Pelantikan Perunding	Penyediaan RT dibuat secara bersama dengan perunding mengikut keperluan kepakaran perunding.
PERINGKAT 2 Penyediaan Draf RT	Laporan Pendekatan Kajian	Laporan Pendekatan Kajian menjelaskan keperluan yang digariskan dalam Tema Rujukan. Ia mengandungi perincian mengenai pendekatan dan metodologi kajian, teknik-teknik pengumpulan data dan analisis serta program kajian.
	Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan	Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan menerangkan penemuan analisis kajian berserta unjuran sektoral selaras dengan keperluan matlamat, objektif, skop kajian dan disediakan dengan menggunakan teknik-teknik analisis yang telah ditentukan.
	Draf Rancangan Tempatan	Draf Rancangan Tempatan merupakan dokumen rancangan tempatan yang menunjukkan perincian cadangan pembangunan dan program pelaksanaan bagi sesuatu kawasan rancangan tempatan yang mengandungi dua (2) komponen utama iaitu Pernyataan Bertulis dan Peta Cadangan dan laporan sokongan.
PERINGKAT 3 Publisiti dan Penyertaan Awam	Publisiti dan Penyertaan Awam	Keperluan mengadakan publisiti dan penyertaan awam selaras dengan peruntukan subseksyen 13(1) Akta 172 untuk mendapatkan pandangan, maklumbalas, bantahan dan rayuan daripada pihak-pihak berkepentingan.
	Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam	Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam diadakan untuk mendengar pandangan, maklumbalas, bantahan dan rayuan daripada pihak-pihak berkepentingan terhadap Draf RT yang dipamerkan.
PERINGKAT 4 Pewartaan RT	Pewartaan RT	Kelulusan Draf RT oleh Jawatankuasa Perancang Negeri dan persetujuan daripada Pihak Berkuasa Negeri untuk mewartakan Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands 2030.

2. Draf Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands 2030 (Penggantian) ini terdiri daripada tiga (3) Jilid yang mengandungi **5 Teras Utama, 29 Strategi dan 71 Projek**. Kandungannya adalah seperti berikut:-

i. Jilid I : Cadangan dan Strategi Pembangunan

- Pengenalan mengenai Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands;
- Rumusan keadaan semasa dan penemuan;
- Hala tuju pembangunan yang menyatakan matlamat, objektif dan rangka kerja perancangan;
- Cadangan pembangunan mengikut teras pembangunan.

ii. Jilid II : Kawalan Perancangan

- Peta cadangan dan kelas kegunaan tanah;
- Kawalan bentuk pembangunan; dan
- Garis panduan perancangan.

iii. Jilid III : Pengurusan dan Pelaksanaan

- Perincian bagi proses permohonan Kebenaran Merancang dan permohonan tanah serta senarai semak untuk mengemukakan permohonan;
- Perincian cadangan projek strategik RT, termasuk anggaran kos, agensi pelaksana dan fasa pelaksanaan projek, penilaian impak projek dari segi alam sekitar, sosial dan trafik, serta cadangan tindakan mitigasi.
- Pengenalan mengenai pangkalan data dalam Sistem Maklumat Geografi (GIS) serta Sistem Pemantauan dan Penguatkuasaan.

Bagi Draf Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands 2030 (Penggantian) ini, hanya Jilid I dan Jilid II sahaja yang akan diwartakan. Manakala Jilid III merupakan dokumen sokongan untuk tujuan pengurusan dan pelaksanaan Rancangan Tempatan ini.

Penemuan Utama Hasil Kajian

Isu dan Cabaran

- a. Bentuk topografi yang bergunung gunung menghadkan penyediaan kawasan untuk pembangunan. Lebih dariada 70% kawaan Daerah Cameron Highlands adalah berbukit dan curam;
- b. Kawasan hutan yang merangkumi 77.9% (554.9 km persegi) luas Daerah Cameron Highlands yang melibatkan kawasan Hutan Simpan Kekal (54.4%) dan Hutan Tanah Negeri (23.5%) memerlukan pemeliharaan dan pengekalan alam semula jadi;
- c. Terdapat kawasan-kawasan pertempatan yang terdedah kepada risiko bencana menyebabkan kawasan-kawasan tersebut berada pada tahap risiko berbahaya;
- d. Pembangunan tanah yang pesat secara tidak terkawal dan tidak terancang menyebabkan hakisan tanah dan pencemaran air sungai;
- e. Aktiviti pertanian secara haram di kawasan rizab sungai, cerun bukit, hutan simpan dan kawasan sensitif alam sekitar;
- f. Amalan aktiviti pertanian yang tidak mampan dan tiada pengurusan sisa pertanian yang baik;
- g. Aktiviti tidak formal dan tidak terancang di sepanjang jalan utama menyebabkan kesesakan lalu lintas;
- h. Pembuangan sisa buangan ke dalam sungai mengakibatkan pencemaran air sungai;
- i. Ciri-ciri reka bentuk dan identiti bandar yang kurang menarik di kawasan-kawasan petempatan terutamanya di pusat pelancongan;
- j. Kawalan perancangan, pemantauan dan penguatkuasaan yang tidak bersepe

Potensi

- a. Suhu berhawa sederhana yang sejuk di tanah tinggi yang sesuai bagi aktiviti pelancongan dan pertanian tanah tinggi;
- b. Destinasi wajib dikunjungi oleh pencinta alam semula jadi dan destinasi ekopelancongan penting negara;

- c. Daerah Cameron Highlands sebagai pusat pengeluaran dan pemasaran hasil pertanian tanah tinggi utama negara terutamanya bagi hasil sayuran-sayuran dan bunga-bunga;
- d. Destinasi agropelancongan yang penting dengan hasil pertanian tanah tinggi dan kawasan ladang yang menarik seperti ladang teh;
- e. Potensi membangunkan sektor pelancongan sekunder seperti pelancongan warisan, budaya, sukan dan kesihatan;
- f. Rangkaian jalan yang baik meghubungkan Ipoh, Tapah, Gua Musang dan Kuala Lipis telah memendekkan perjalanan ke bandar-bandar berdekatan, serta meningkatkan tahap aksesibiliti ke Daerah Cameron Highlands;
- g. Potensi menjadi Daerah Transit dan mendekatkan jarak Negeri Pahang dengan negeri-negeri bersempadan di bahagian utara iaitu Perak, Kedah dan Pulau Pinang; dan
- h. Pembangunan ekonomi penduduk setempat melalui sektor perniagaan hasil daripada pembangunan sektor pelancongan dan pertanian.

Matlamat dan Strategi Utama Kajian

Matlamat perancangan dan pembangunan bagi Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands 2030 (Penggantian) ini adalah digariskan seperti berikut:-

**MENGEMBALIKAN KEGEMILANGAN CAMERON HIGHLANDS
SEBAGAI KAWASAN PELANCONGAN TANAH TINGGI
YANG SEJAHTERA DAN MAMPAN**

Dalam Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands 2030 (Penggantian) ini, matlamat dan objektif Rancangan Tempatan akan berpandukan kepada 5 Teras yang utama yang mempunyai strategi-strategi tertentu, iaitu:-

- **TERAS 1 : Perancangan Guna Tanah, Pengurusan Risiko Bencana dan Alam Semula Jadi.**

- Strategi
- Memelihara dan mengekalkan kawasan sensitif alam sekitar;
 - Mengehadkan pembangunan dalam kawasan had pembangunan yang ditetapkan;
 - Memulihkan kawasan tidak sesuai untuk pembangunan yang telah diterokai;
 - Membangunkan semula kawasan-kawasan pembangunan yang berpotensi;
 - Mengurus dan mengurangkan risiko bencana;
 - Menerapkan konsep pembangunan berimpak rendah;
 - Mengamalkan amalan baik dalam aktiviti pembangunan tanah.
 -

- **TERAS 2 : Pembangunan Komuniti Sejahtera dan Inklusif**

- Strategi
- Membangunkan petempatan secara berpusat;
 - Menawarkan rumah kediaman yang mencukupi dan mampu milik;
 - Menyediakan kawasan perniagaan dan industri yang sistematik;
 - Mewujudkan sistem pengangkutan yang efisien;
 - Menyediakan kemudahan sistem infrastruktur dan utiliti yang efisien;
 - Menyediakan kemudahan masyarakat yang bersesuaian;
 - Meningkatkan kualiti kawasan petempatan Orang Asli;
 - Menggalakkan penglibatan komuniti dalam pembangunan;
 - Membentuk tahap berdaya kental penduduk dan kawasan petempatan terhadap risiko bencana.
 -

- **TERAS 3 : Pelancongan Tanah Tinggi Mampan**
 - Strategi - Menyediakan kemudahan pelancongan yang bersesuaian dengan kemampuan destinasi;
 - Membangunkan produk-produk pelancongan;
 - Meningkatkan imej bandar peranginan dan kualiti reka bentuk bandar;
 - Menyediakan tanah bandar dan kawasan lapang untuk rekreasi dan riadah;
 - menjenamakan Daerah Cameron Highlands sebagai destinasi pelancongan tanah tinggi mampan.
 -

- **TERAS 4 : Pengurusan Pertanian Mampan**
 - Strategi - Mengadakan Rancangan Penyusunan Semula Tanah Pertanian;
 - Mengawal perancangan dan pemberian tanah pertanian;
 - Mengawal dan mengurus pembangunan tanah pertanian;
 - Mengurus bekalan air pengairan untuk pertanian;
 - Mengurus sistem pertanian secara sistematik;
 - Menyediakan kemudahan asas untuk pekerja-pekerja pertanian;
 - Mengamalkan amalan baik pertanian dan pensijilan kualiti pertanian.

- **TERAS 5 : Urustadbir Efektif**
 - Strategi - Menubuhkan Lembaga Pembangunan Mampan Cameron Highlands (CHiDA);
 - Mengaktifkan Jawatankuasa Pembangunan Tanah Tinggi Pahang (JKTTP);

- Menambah baik *Centralised Enforcement Team* (CET) melalui pengintegrasian aplikasi *i-ME*;
- Menubuhkan Unit Pengurusan Risiko Bencana;
- Menambah baik proses permohonan tanah dan Kebenaran Merancang untuk pertanian;
- Menjenamakan semula dan memperkasakan organisasi Pihak Berkuasa Tempatan.